

AppleCare+ untuk Apple TV
AppleCare+ untuk Apple Watch
AppleCare+ untuk Fon Kepala
AppleCare+ untuk HomePod
AppleCare+ untuk iPad
AppleCare+ untuk iPhone

Sejauh Mana Hak Pengguna Mempengaruhi Pelan ini

MANFAAT YANG DIBERIKAN OLEH PELAN INI ADALAH SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SEMUA HAK DAN REMEDI YANG DISEDIKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA. PELAN INI TIDAK AKAN MENJEJASKAN HAK YANG DIBERIKAN OLEH UNDANG-UNDANG PENGGUNA YANG TERPAKAI, TERMASUK HAK UNTUK MENERIMA REMEDI DI BAWAH UNDANG-UNDANG WARANTI BERKANUN DAN UNTUK MENDAPATKAN GANTI RUGI SEKIRANYA BERLAKU KEGAGALAN PELAKSANAAN OLEH APPLE BAGI MANA-MANA KEWAJIPAN KONTRAKNYA.

1. Pelan

Kontrak ini (“Pelan”) mentadbir perkhidmatan yang disediakan kepada Anda oleh Apple di bawah pelan di atas dan termasuk terma dalam dokumen ini, Pengesahan Pelan anda (“Pengesahan Pelan”), serta resit jualan asal bagi Pelan anda. Pengesahan Pelan anda akan diberikan kepada anda pada masa pembelian atau dihantar kepada anda secara automatik selepas itu. Jika anda membeli Pelan anda daripada Apple, anda boleh mendapatkan salinan Pengesahan Pelan anda dengan pergi ke mysupport.apple.com/products.

Manfaat di bawah Pelan ini adalah sebagai tambahan kepada hak anda di bawah undang-undang yang berkenaan, waranti perkakasan pengilang dan apa-apa sokongan teknikal percuma.

Pelan ini meliputi peralatan berikut (secara kolektif, “Peralatan yang Diliputi”): (i) Apple TV, Apple Watch, HomePod, iPad (termasuk satu Apple Pencil dan/atau satu papan kekunci iPad berjenama Apple untuk digunakan dengan iPad yang diliputi anda yang dirujuk sebagai “Peranti Input iPad”), iPhone atau Apple-atau fon kepala berjenama Beats yang disenaraikan pada Pengesahan Pelan anda (“Peranti yang Diliputi”) dan

(ii) aksesori yang terkandung di dalam bungkusan asal Peranti yang Diliputi anda. Peralatan yang Diliputi mestilah telah dibeli atau dipajak sebagai baharu daripada Apple atau Penjual Semula Apple yang Sah. Jika pemilikan undang-undang bagi Peralatan yang Diliputi telah dipindahkan kepada Anda, Pelan mestilah telah dipindahkan kepada Anda menurut Seksyen 9. Peralatan yang Diliputi termasuk apa-apa produk gantian yang diberikan kepada Anda oleh Apple di bawah Seksyen 2.1 atau 2.2 Pelan ini, termasuk peranti input iPad yang digunakan dengan iPad yang diliputi anda.

Liputan bermula apabila anda membeli Pelan dan berterusan, melainkan dibatalkan, melalui tarikh yang dinyatakan dalam Pengesahan Pelan anda (“Tempoh Pelan”).

Anda boleh mendapatkan harga Pelan pada resit jualan asal sebagaimana yang diberikan oleh Apple atau penjual lain yang anda telah membeli Pelan anda (“Penjual Semula”).

Pelan ini bertujuan untuk dan hanya terpakai pada Peralatan yang Diliputi Anda. Pelan ini bukan untuk kegunaan komersial Anda dan tidak boleh digunakan oleh Anda untuk meneruskan apa-apa keuntungan peribadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mendapatkan perkhidmatan untuk peranti yang dimiliki oleh orang lain dan yang tidak diliputi oleh Pelan ini. Untuk mengelakkan keraguan, selain perkara yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Pelan ini, Anda tidak boleh menjual, memindahkan, membuat subkontrak, mewakili atau menyerahkan mana-mana hak Anda di bawah Pelan ini. Apple berhak untuk memantau permintaan perkhidmatan Anda untuk memastikan pematuhan. Pelanggaran

peruntukan ini boleh membatalkan Pelan ini.

2. Apa yang Diliputi?

2.1 Perkhidmatan Perkakasan untuk Kecacatan atau Bateri yang Habis Digunakan (“Perkhidmatan Perkakasan”)

Jika semasa Tempoh Pelan, anda mengemukakan tuntutan yang sah dengan memaklumkan kepada Apple bahawa kecacatan bahan dan mutu kerja telah timbul pada Peralatan yang Diliputi atau, berhubung dengan Peralatan yang Diliputi yang menggunakan bateri boleh dicas semula bersepadu, iaitu kapasiti bateri Peralatan yang Diliputi untuk memegang cas elektrik kurang daripada lapan puluh peratus (80%) daripada spesifikasi asalnya, Apple akan, sama ada: (i) membaiki kecacatan tanpa caj, menggunakan alat ganti tulen Apple yang baharu atau terpakai yang telah diuji dan melepasi keperluan fungsi Apple atau (ii) menukar Peralatan yang Diliputi dengan produk gantian yang baharu atau terdiri daripada alat ganti tulen Apple yang baharu dan/atau terpakai yang telah diuji dan melepasi keperluan fungsi Apple.

Semua produk gantian yang diberikan di bawah Pelan ini sekurang-kurangnya akan mempunyai ciri yang sama atau hampir serupa (cth., model yang berbeza dengan ciri yang sama atau model yang sama dalam warna yang berbeza) dengan produk asal. Jika Apple menukar Peralatan yang Diliputi, produk asal akan menjadi hak milik Apple manakala produk gantian akan menjadi hak milik anda, dengan liputan berkuat kuasa untuk baki Tempoh Pelan. Apple mungkin menggunakan Peranti yang Diliputi atau bahagian untuk servis yang diperoleh dari negara yang berbeza dari negara Peranti yang Diliputi atau bahagian asal diperoleh.

Perkhidmatan Perkakasan untuk Peranti Input iPad adalah terhad kepada satu Peranti Input iPad yang digunakan dengan iPad yang diliputi anda dan/atau Peranti Input iPad gantian yang diberikan kepada Anda oleh Apple di bawah Seksyen 2.1 atau 2.2 yang digunakan dengan iPad yang diliputi anda.

2.2 Perkhidmatan untuk Kerosakan Tidak Disengajakan yang Berpunca daripada Pengendalian (“Perkhidmatan ADH”)

Jika semasa Tempoh Pelan anda mengemukakan tuntutan yang sah bahawa Peranti yang Diliputi telah gagal disebabkan oleh kerosakan tidak disengajakan yang berpunca daripada pengendalian akibat kejadian luaran yang tidak dijangka dan tidak disengajakan (seperti, terjatuh dan kerosakan yang disebabkan oleh terkena cecair) (“ADH”), Apple akan, tertakluk pada pembayaran caj servis yang diterangkan di bawah, sama ada (i) membaiki kecacatan menggunakan alat ganti tulen Apple yang baharu atau terpakai yang telah diuji dan melepasi keperluan fungsi Apple atau (ii) menukarkan Peranti yang Diliputi dengan produk gantian yang baharu atau terdiri daripada alat ganti tulen Apple yang baharu dan/atau terpakai yang telah diuji dan melepasi keperluan fungsi Apple.

Pengecualian dikenakan seperti yang diterangkan di bawah.

Setiap kali anda menerima perkhidmatan untuk ADH, ia merupakan “Peristiwa Perkhidmatan.” Anda layak menerima Peristiwa Perkhidmatan tanpa had untuk Peranti yang Diliputi semasa Pelan aktif, sehingga tarikh Pelan dibatalkan atau ditamatkan. Permintaan untuk Peristiwa Perkhidmatan yang diserahkan dan diterima oleh Apple selepas Pelan telah dibatalkan atau ditamatkan tidak akan diliputi oleh Pelan.

Penting: Sila rujuk Seksyen 3 untuk pengecualian mengenai penyediaan Perkhidmatan ADH.

Caj servis berikut dikenakan untuk setiap Peristiwa Perkhidmatan:

Apple TV:	RM 69
Apple Watch (tidak termasuk Ultra, Hermès dan Edisi):	RM 329
Apple Watch Ultra:	RM 379
Apple Watch (Hermès atau Edisi):	RM 379
HomePod mini:	RM 69
HomePod:	RM 199
iPad:	RM 229
Peranti Input iPad:	
Apple Pencil:	RM 139
Papan kekunci iPad berjenama Apple:	RM 139
iPhone:	
Kerosakan Skrin Sahaja:	RM 139
Kerosakan Kaca Belakang Sahaja (tidak tersedia pada iPhone SE dan model iPhone yang dikeluarkan sebelum iPhone 12):	RM 139
Kerosakan Tidak Sengaja Lain:	RM 469
Fon kepala berjenama Apple:	RM 139
Fon kepala berjenama Beats:	RM 139

*Caj termasuk cukai yang dikenakan yang perlu dibayar oleh anda.

Perkhidmatan ADH untuk Peranti Input iPad akan dikira sebagai Peristiwa Perkhidmatan yang berasingan daripada Perkhidmatan ADH iPad anda tertakluk pada caj servis yang berasingan walaupun iPad dan Peranti Input iPad anda rosak secara serentak. Perkhidmatan ADH untuk Peranti Input iPad adalah terhad kepada satu Peranti Input iPad dan/atau Peranti Input iPad gantian yang diberikan kepada Anda oleh Apple di bawah Seksyen 2.1 atau 2.2 dalam Pelan ini yang digunakan dengan iPad yang diliputi anda.

Untuk Kerosakan Skrin iPhone Sahaja atau Kerosakan Kaca Belakang iPhone Sahaja, Peranti yang Diliputi tidak boleh mempunyai kerosakan tambahan selain kerosakan skrin atau kaca belakang, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penutup yang bengkok atau kemik, kerana akan menghalang Apple daripada menggantikan sama ada skrin atau kaca belakang pada Peranti yang Diliputi. Peranti yang Diliputi yang mempunyai kerosakan tambahan akan dikenakan caj sebagai Kerosakan Tidak Sengaja Lain iPhone.

Untuk iPhone yang mempunyai kerosakan skrin dan kaca belakang, tetapi tiada kerosakan tambahan selain kerosakan skrin dan kaca belakang, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penutup yang bengkok atau kemik, yang akan menghalang Apple daripada menggantikan skrin dan kaca belakang pada Peranti yang Diliputi, Caj Servis Skrin Sahaja dan Caj Servis Kaca Belakang Sahaja akan dikenakan kepada Perkhidmatan ADH. Peranti yang Diliputi yang mempunyai kerosakan tambahan akan dikenakan caj sebagai Kerosakan Tidak Sengaja Lain iPhone.

Jika anda memilih untuk menggunakan ERS untuk tuntutan Kerosakan Skrin iPhone Sahaja dan/atau Kerosakan Kaca Belakang iPhone Sahaja (lihat Seksyen 5(c)), Peristiwa Perkhidmatan anda akan dikenakan caj Kerosakan Tidak Sengaja Lain iPhone sebanyak.

Pembaikan Kerosakan Skrin Sahaja dan Kerosakan Kaca Belakang Sahaja tidak tersedia pada peranti selain iPhone. Pembaikan Kerosakan Kaca Belakang Sahaja tidak tersedia pada iPhone SE dan model iPhone yang dikeluarkan sebelum iPhone 12.

Liputan ADH di bawah Pelan ini diberikan kepada anda dengan dikenakan caj sebagai manfaat di bawah perjanjian yang telah dimeterai oleh Apple dengan AIG Malaysia Insurance Berhad (“AIG Malaysia”). Berkenaan dengan apa-apa tuntutan ADH, Apple akan bertindak sebagai pembaiki yang dilantik oleh AIG Malaysia untuk membaiki atau menggantikan Peranti yang Diliputi di bawah tuntutan ADH tersebut dan rujukan terhadap kewajipan Apple di bawah seksyen ini bermakna kewajipan AIG Malaysia. Tuntutan ADH akan dirujuk kepada AIG Malaysia untuk menentukan liputan. Caj Servis yang perlu dibayar oleh anda kepada Apple untuk apa-apa tuntutan ADH merupakan pemotongan di bawah liputan ADH anda yang disediakan oleh AIG Malaysia.

Harap maklum bahawa jika anda mendapatkan perkhidmatan di bawah Pelan ini di negara selain Malaysia, caj servis atau caj setara tempatan perlu dibayar dalam mata wang dan pada kadar terpakai negara tersebut – untuk mendapatkan butiran lanjut, sila lawati apple.com/legal/sales-support/applecare/applecareplus/ dan pilih peranti dan lokasi yang berkenaan bagi tempat yang anda mendapatkan perkhidmatan untuk melihat terma dan caj yang berkenaan.

2.3 Sokongan Teknikal

Semasa Tempoh Pelan, Apple akan memberi anda akses keutamaan kepada sokongan teknikal berasaskan telefon dan web bagi Peralatan yang Diliputi (“Sokongan Teknikal”). Sokongan teknikal merangkumi bantuan pemasangan, pelancaran, konfigurasi, penyelesaian masalah dan pemulihan (tidak termasuk pemulihan data), termasuk menyimpan, mendapatkan semula dan mengurus fail; mentafsir mesej ralat sistem; dan menentukan masa perkhidmatan perkakasan diperlukan atau liputan ADH boleh terpakai. Apple akan menyediakan sokongan untuk versi semasa bagi perisian yang disokong dan Keluaran Utama yang terdahulu. Untuk tujuan seksyen ini, istilah “Keluaran Utama” bermaksud versi penting perisian yang dikeluarkan secara komersial oleh Apple dalam format nombor keluaran seperti “1.0” atau “2.0” dan bukan dalam bentuk beta atau prakeluaran.

Sokongan Teknikal Apple adalah terhad kepada perkara yang berikut: (i) Peralatan yang Diliputi, (ii) Sistem Operasi berjenama Apple (“OS”) dan aplikasi perisian berjenama Apple atau Beats yang diprapasang atau direka bentuk supaya beroperasi dengan Peralatan yang Diliputi (“Perisian Pengguna”) dan (iii) isu ketersambungan antara Peralatan yang Diliputi, komputer riba atau komputer desktop, televisyen yang serasi atau peranti wayarles lain yang serasi yang memenuhi spesifikasi ketersambungan Peralatan yang Diliputi dan menjalankan sistem operasi yang disokong oleh Peralatan yang Diliputi.

Pengecualian dikenakan seperti yang diterangkan di bawah.

3. Apa yang tidak Diliputi?

3.1 Perkhidmatan Perkakasan dan Perkhidmatan ADH

Apple boleh menghadkan Perkhidmatan Perkakasan dan Perkhidmatan ADH kepada negara tempat Peralatan yang Diliputi mula-mula dibeli.

Apple tidak akan menyediakan Perkhidmatan Perkakasan atau Perkhidmatan ADH dalam keadaan berikut:

- (a) Untuk melindungi daripada haus dan lusuh biasa atau membaiki kerosakan kosmetik yang tidak menjejaskan kefungsiannya Peralatan yang Diliputi;
- (b) Untuk menjalankan penyelenggaraan cegahan;
- (c) Untuk menggantikan Peralatan yang Diliputi yang hilang atau dicuri;
- (d) Untuk membaiki kerosakan yang disebabkan oleh kelakuan melulu, kasar, disengajakan atau apa-apa penggunaan Peralatan yang Diliputi dengan cara yang tidak normal atau dimaksudkan oleh Apple;
- (e) Untuk memasang, menanggalkan atau melupuskan Peralatan yang Diliputi atau peralatan yang diberikan kepada anda semasa Peralatan yang Diliputi sedang diservis;
- (f) Untuk membaiki kerosakan yang disebabkan oleh produk yang bukan merupakan Peralatan yang Diliputi;

- (g) Untuk memperbaiki kerosakan pada produk yang bukan merupakan Peralatan yang Diliputi;
- (h) Untuk memperbaiki apa-apa kerosakan pada Peralatan yang Diliputi (tanpa mengira punca) jika Peralatan yang Diliputi telah dibuka, diservis, diubah suai, dipasang atau diubah oleh sesiapa selain Apple atau wakil sah Apple;
- (i) Untuk memperbaiki keadaan sedia ada Peralatan yang Diliputi jika anda membeli Pelan selepas anda membeli Peralatan yang Diliputi;
- (j) Untuk memperbaiki apa-apa kerosakan pada Peralatan yang Diliputi dengan nombor siri yang telah diubah, dirosakkan atau dikeluarkan;
- (k) Untuk memperbaiki kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, gempa bumi atau sebab luaran lain;
- (l) Kehilangan, kehilangan penggunaan, kerosakan, ketidakupayaan untuk mengakses atau ketidakupayaan untuk memanipulasi mana-mana perkakasan atau perisian elektronik atau komponennya, yang digunakan untuk menyimpan, memproses, mengakses, menghantar atau menerima maklumat di dalam Peralatan yang Diliputi akibat apa-apa sebab atau kerugian selain kerugian yang diliputi yang dinyatakan secara khusus dalam Pelan ini, termasuk apa-apa akses tanpa kebenaran atau penggunaan tanpa kebenaran bagi sistem tersebut, serangan penafian perkhidmatan atau penerimaan atau penghantaran kod hasad;
- (m) Kehilangan, kehilangan penggunaan, kerosakan, ketidakupayaan untuk mengakses atau ketidakupayaan untuk memanipulasi mana-mana data elektronik yang disimpan di dalam Peralatan yang Diliputi, termasuk apa-apa kerugian yang disebabkan oleh akses tanpa kebenaran atau penggunaan tanpa kebenaran bagi data tersebut, serangan penafian perkhidmatan atau penerimaan atau penghantaran kod hasad;
- (n) Untuk memperbaiki kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan tidak jujur, kesalahan jenayah, perbuatan jahat atau tindakan penipuan oleh anda;
- (o) Untuk memperbaiki kerosakan yang berpunca daripada atau disebabkan oleh, litar pintas, arka, pemanasan sendiri, kebocoran elektrik atau beban lampau kuasa atau gangguan elektrik untuk apa-apa sebab;
- (p) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh tindakan pengganas atau insiden bahaya nuklear;
- (q) Kerosakan atau pemberhentian operasi Peralatan yang Diliputi, yang bukan disebabkan oleh kemalangan; atau
- (r) Jika Anda mendapatkan perkhidmatan untuk peranti di bawah Pelan ini untuk tujuan komersial demi keuntungan kewangan Anda sendiri, termasuk jika anda telah menjual, memindahkan, membuat subkontrak, mewakili atau menyerahkan mana-mana hak Anda di bawah Pelan ini (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Pelan ini).

Pemasangan alat ganti pihak ketiga boleh menjejaskan liputan anda. Sebagai syarat untuk menerima Perkakasan atau Perkhidmatan ADH, semua Peralatan yang Diliputi mesti dipulangkan kepada Apple secara keseluruhan termasuk semua bahagian asal atau komponen gantian Apple yang sah. Sekatan tersebut tidak akan menjejaskan hak undang-undang pengguna anda.

3.2 Sokongan Teknikal

Apple tidak akan menyediakan Sokongan Teknikal dalam keadaan berikut:

- (a) Untuk penggunaan OS dan Perisian Pengguna sebagai aplikasi berasaskan pelayan;
- (b) Untuk isu yang boleh diselesaikan dengan menaik taraf perisian kepada versi semasa;
- (c) Untuk produk pihak ketiga atau kesannya atau interaksi dengan Peralatan yang Diliputi;
- (d) Untuk penggunaan komputer atau OS oleh anda yang tidak berkaitan dengan Perisian Pengguna atau isu ketersambungan dengan Peralatan yang Diliputi;
- (e) Untuk perisian selain Perisian Pengguna;
- (f) Untuk mana-mana Perisian Pengguna yang ditetapkan sebagai “beta,” “prakeluaran,” “pratonton” atau sebutan yang serupa;
- (g) Untuk kerosakan atau kehilangan mana-mana perisian atau data yang berada atau direkodkan pada Peralatan yang Diliputi (nota: Pelan tidak meliputi pemulihan atau pemasangan semula program perisian dan data pengguna);
- (h) Kehilangan, kehilangan penggunaan, kerosakan, ketidakupayaan untuk mengakses atau ketidakupayaan untuk memanipulasi mana-mana perkakasan atau perisian elektronik atau komponennya, yang digunakan untuk menyimpan, memproses, mengakses, menghantar atau menerima maklumat di dalam Peralatan yang

Diliputi akibat apa-apa sebab atau kerugian selain kerugian yang diliputi yang dinyatakan secara khusus dalam Pelan ini, termasuk apa-apa akses tanpa kebenaran atau penggunaan tanpa kebenaran bagi sistem tersebut, serangan penafian perkhidmatan atau penerimaan atau penghantaran kod hasad; atau (i) Kehilangan, kehilangan penggunaan, kerosakan, ketidakupayaan untuk mengakses atau ketidakupayaan untuk memanipulasi mana-mana data elektronik yang disimpan di dalam Peralatan yang Diliputi, termasuk apa-apa kerugian yang disebabkan oleh akses tanpa kebenaran atau penggunaan tanpa kebenaran bagi data tersebut, serangan penafian perkhidmatan atau penerimaan atau penghantaran kod hasad.

4. Bagaimana Cara untuk Memperoleh Perkhidmatan dan Sokongan?

Anda boleh mendapatkan perkhidmatan atau Sokongan Teknikal dengan menghubungi Apple di 1-800-803-638 atau mengakses support.apple.com/en-my. Anda mesti mematuhi semua terma dan syarat dalam Pelan ini untuk menerima perkhidmatan atau sokongan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab Anda yang dinyatakan dalam Seksyen 6 di bawah.

5. Pilihan Perkhidmatan

Apple akan memberi Perkakasan atau Perkhidmatan ADH kepada anda melalui satu atau lebih pilihan ini:

(a) Perkhidmatan dengan bawa ke kedai. Perkhidmatan dengan bawa ke kedai tersedia untuk kebanyakan Peralatan yang Diliputi. Pulangkan Peralatan yang Diliputi ke lokasi kedai runcit milik Apple atau kepada pembekal perkhidmatan sah Apple yang menawarkan perkhidmatan dengan bawa ke kedai. Servis akan dilakukan untuk anda di kedai atau kedai boleh menghantar Peralatan yang Diliputi ke tapak perkhidmatan pembaikan Apple ("ARS") untuk diservis. Anda mesti mendapatkan semula Peralatan yang Diliputi dengan segera.

(b) Perkhidmatan secara hantar melalui mel. Perkhidmatan secara hantar melalui mel tersedia untuk kebanyakan Peralatan yang Diliputi. Jika Apple menentukan bahawa Peralatan yang Diliputi anda layak untuk perkhidmatan secara hantar melalui mel, Apple akan menghantar waybil prabayar kepada anda (dan, jika perlu, bahan pembungkusan). Anda mesti mengirim Peralatan yang Diliputi ke tapak ARS mengikut arahan Apple. Setelah servis selesai, tapak ARS akan memulangkan Peralatan yang Diliputi kepada anda. Apple akan membayar kos penghantaran pergi dan kembali ke lokasi anda jika anda mematuhi semua arahan.

(c) Perkhidmatan Penggantian Ekspres ("ERS") atau perkhidmatan alat ganti lakukan sendiri ("DIY"). ERS tersedia untuk Peralatan yang Diliputi yang tertentu. Perkhidmatan alat ganti DIY tersedia untuk kebanyakan Peralatan yang Diliputi. Hal ini membolehkan anda untuk menservis sendiri Peralatan yang Diliputi anda. Jika Apple memerlukan pengembalian peranti atau bahagian yang digantikan, Apple mungkin memerlukan pemberikuasaan kad kredit untuk berfungsi sebagai cagaran bagi harga runcit penggantian peranti atau bahagian dan kos penghantaran yang berkenaan sehingga anda mengembalikan peranti yang diganti seperti yang diarahkan dan jika anda tidak dapat menyediakan pemberikuasaan kad kredit, servis mungkin tidak tersedia kepada anda dan Apple akan menawarkan aturan alternatif untuk servis. Jika anda gagal mengembalikan peranti atau bahagian yang digantikan seperti yang diarahkan atau mengembalikan peranti atau bahagian yang digantikan yang tidak layak diservis, Apple akan mengecaj kad kredit untuk jumlah yang dibenarkan. Jika Apple tidak memerlukan pengembalian peranti atau bahagian yang digantikan, Apple akan menghantar kepada anda secara percuma peranti atau bahagian gantian yang disertakan dengan apa-apa arahan pemasangan atau apa-apa keperluan bagi pelupusan peranti atau bahagian yang digantikan. Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.1 dan 2.2, jika Apple menggantikan Peralatan yang Diliputi (*iaitu*., menghantar peranti gantian kepada anda) dan memerlukan anda untuk mengembalikan peranti asal, peranti asal menjadi hak milik Apple dan peranti gantian yang diberikan oleh Apple akan menjadi hak milik anda serta Peralatan yang

Diliputi berserta liputan berkuat kuasa untuk baki Tempoh Pelan. Apple tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kos buruh yang anda tanggung berkaitan dengan perkhidmatan bahagian ERS atau DIY.

Anda boleh memilih untuk menggunakan ERS untuk Peristiwa Perkhidmatan Skrin iPhone Sahaja atau Kaca Belakang iPhone Sahaja dan anda akan dikenakan caj Kerosakan Lain iPhone sebanyak yang disenaraikan dalam Seksyen 2.2 kerana item gantian Peralatan yang Diliputi akan diberikan kepada anda.

Apple mungkin mengubah kaedah pemberian perkhidmatan pembaikan atau penggantian Apple kepada anda dan kelayakan Peralatan yang Diliputi anda untuk menerima kaedah perkhidmatan yang tertentu.

Servis adalah terhad kepada opsyen yang tersedia di negara tempat anda meminta servis. Opsyen servis, ketersediaan bahagian dan masa respons mungkin berbeza-beza. Jika servis tidak tersedia untuk Peralatan yang Diliputi di negara yang bukan negara pembelian, anda mungkin bertanggungjawab terhadap caj penghantaran dan pengendalian untuk memudahkan servis di negara yang memberi servis. Jika anda mendapatkan servis di negara yang bukan negara pembelian, anda mesti mematuhi semua undang-undang serta peraturan import dan eksport yang terpakai serta bertanggungjawab untuk semua duti kastam, V.A.T. serta cukai dan caj jualan lain yang berkaitan. Untuk perkhidmatan antarabangsa, Apple boleh membaiki atau menukarkan produk dan bahagian dengan produk dan bahagian yang setara yang mematuhi piawaian tempatan.

6. Tanggungjawab Anda

Untuk menerima perkhidmatan atau sokongan di bawah Pelan, anda bersetuju untuk (i) memberikan Nombor Perjanjian Pelan anda dan salinan bukti pembelian asal Pelan anda, (ii) memberikan maklumat tentang gejala dan punca isu dengan Peralatan Dilindungi, (iii) bertindak balas kepada permintaan untuk maklumat yang diperlukan untuk mendiagnosis atau menservis Peralatan Dilindungi, (iv) ikut arahan yang diberikan Apple kepada anda, (v) kemas kini perisian kepada keluaran yang diterbitkan pada masa ini sebelum mendapatkan perkhidmatan, dan (vi) sandarkan perisian dan data yang berada di Peralatan yang Dilindungi.

UNTUK PERANTI YANG MEMPUNYAI MEDIA PENYIMPANAN, SEMASA PERKAKASAN DISERVIS, APPLE AKAN MEMADAMKAN KANDUNGAN PERALATAN YANG DILIPUTI DAN MEMFORMATKAN SEMULA MEDIA PENYIMPANAN. Apple akan memulangkan Peralatan yang Diliputi atau memberikan gantian sebagaimana Peralatan yang Diliputi dikonfigurasi pada asalnya, tertakluk pada kemas kini yang berkenaan. Apple boleh memasang kemas kini OS sebagai sebahagian daripada perkhidmatan perkakasan yang akan menghalang Peralatan yang Diliputi daripada kembali kepada versi OS yang terdahulu. Aplikasi pihak ketiga yang dipasang pada Peralatan yang Diliputi mungkin tidak serasi atau berfungsi dengan Peralatan yang Diliputi akibat kemas kini OS. Anda akan bertanggungjawab untuk memasang semula semua program perisian lain, data dan kata laluan.

7. Pengehadan Liabiliti

SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, APPLE, PEKERJA, EJEN DAN SYARIKAT INSURANS, DALAM APA JUA KEADAAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PEMILIK SETERUSNYA BAGI PERALATAN YANG DILIPUTI BAGI MANA-MANA KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG ATAU BERBANGKIT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA PEMULIHAN, PENGATURCARAAN SEMULA ATAU PENGHASILAN SEMULA MANA-MANA PROGRAM ATAU DATA ATAU KEGAGALAN DALAM MENJAGA KERAHSIAAN DATA, APA-APA KEHILANGAN PERNIAGAAN, KEUNTUNGAN, HASIL ATAU PENJIMATAN YANG DIJANGKA, YANG BERPUNCA DARIPADA KEWAJIPAN APPLE ATAU SYARIKAT INSURANS DI BAWAH PELAN INI. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, HAD LIABILITI APPLE, PEKERJA, EJEN DAN SYARIKAT INSURANS TERHADAP ANDA DAN MANA-MANA PEMILIK SETERUSNYA YANG TIMBUL DI BAWAH PELAN INI TIDAK AKAN MELEBIHI HARGA ASAL YANG DIBAYAR UNTUK PELAN INI. APPLE SECARA KHUSUS TIDAK MENJAMIN BAHAWA (i) IA

AKAN DAPAT MEMBAIKI ATAU MENGGANTIKAN PERALATAN YANG DILIPUTI TANPA RISIKO ATAU KEHILANGAN PROGRAM ATAU DATA, (ii) IA AKAN MENJAGA KERAHSIAAN DATA ATAU (iii) PENGENDALIAN PRODUK ADALAH TANPA GANGGUAN ATAU BEBAS RALAT.

MANFAAT YANG DIBERIKAN OLEH PELAN INI ADALAH SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA MANA-MANA HAK DAN REMEDI YANG DISEDIAKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PENGGUNA. SETAKAT LIABILITI DI BAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN TERSEBUT MUNGKIN TERHAD, LIABILITI APPLE ADALAH TERHAD, PADA PILIHAN TUNGGALNYA, UNTUK MENGGANTIKAN ATAU MEMBAIKI PERALATAN YANG DILIPUTI ATAU MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN TERSEBUT. SESETENGAH NEGERI ATAU WILAYAH TIDAK MEMBENARKAN PENGECCUALIAN ATAU PENGEHADAN KEROSAKAN SAMPINGAN ATAU BERBANGKIT, JADI SEBAHAGIAN ATAU SEMUA PENGEHADAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA.

8. Pembatalan

8.1 Hak Pembatalan Anda

Tidak kira jenis kaedah pembelian anda, anda boleh membatalkan Pelan ini pada bila-bila masa atas apa-apa sebab.

(a) Pembatalan dengan pemulangan Peranti yang Diliputi anda:

Untuk membatalkan Pelan ini dengan pemulangan Peranti yang Diliputi anda, seperti yang dibenarkan oleh dasar pemulangan saluran jualan asal, pergi ke saluran jualan asal pembelian Peranti yang Diliputi anda (sama ada Penjual Semula atau Apple). Anda (atau entiti pembiaya, sekiranya Pelan anda dibiayai) akan menerima bayaran balik penuh Pelan.

(b) Pembatalan Pelan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pembelian daripada Penjual Semula

Jika anda ingin membatalkan Pelan ini dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pembelian daripada Penjual Semula, anda mungkin perlu menghubungi Penjual Semula untuk membatalkan Pelan dan menerima bayaran balik penuh.

(c) Semua pembatalan lain:

Hubungi Apple di 1-800-803-638 atau hantar notis bertulis dengan Nombor Perjanjian Pelan anda serta bukti asal pembelian Pelan kepada Pentadbiran AppleCare, Apple Malaysia Sdn. Bhd. Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Level 11, Kuala Lumpur 50470, Malaysia. Pelan anda akan dibatalkan setelah penerimaan notis bertulis.

Jika Anda menghubungi Apple untuk membatalkan Pelan Anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian Pelan dan Anda membayar Pelan sepenuhnya, Anda akan menerima bayaran balik penuh.

Jika Anda menghubungi Apple untuk membatalkan Pelan Anda lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas tarikh pembelian Pelan dan Anda membayar Pelan sepenuhnya, Anda berhak mendapat bayaran balik pro rata berdasarkan peratusan baki masa yang belum tamat tempoh pada Pelan Anda.

Jika Anda telah membuat tuntutan yang sah di bawah Pelan Anda, maka - apabila Anda membatalkannya - Apple boleh memotong daripada apa-apa bayaran balik bagi nilai manfaat yang Anda terima, sekali gus mungkin menyebabkan tiada bayaran balik yang perlu dibayar kepada Anda.

Jika Pelan Anda dibiayai melalui Pembekal Pembayaran Pelan, hubungi Apple atau Pembekal Pembayaran Pelan anda untuk membatalkan Pelan anda. Apple boleh memulangkan apa-apa bayaran balik yang terhutang kepada entiti pembiayaan yang membayar Apple untuk Pelan anda.

8.2 Hak Pembatalan Apple

Melainkan undang-undang tempatan yang terpakai memperuntukkan sebaliknya, Apple boleh membatalkan Pelan ini (kedua-duanya bagi pihaknya sendiri dan bagi pihak Syarikat Insurans) dengan serta-merta dan tanpa notis awal untuk penipuan atau salah nyata material atau jika Anda telah menggunakan Pelan ini untuk tujuan komersial untuk meneruskan keuntungan kewangan Anda dan mungkin menuntut bayaran segera bagi kos semua perkhidmatan yang diberikan kepada Anda dan apa-apa bentuk bayaran balik tidak akan dikeluarkan.

Selain itu, melainkan undang-undang tempatan yang terpakai memperuntukkan sebaliknya, Apple boleh membatalkan pelan ini jika bahagian servis untuk Peralatan yang Diliputi tidak tersedia, selepas notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelumnya. Jika undang-undang tempatan membenarkan dan Apple membatalkan Pelan ini kerana ketiadaan bahagian servis, anda akan menerima bayaran balik pro rata untuk tempoh Pelan yang belum tamat tempoh. Berkenaan dengan pembatalan Perkhidmatan ADH dalam Pelan, Apple akan dianggap sebagai bertindak bagi pihak AIG Malaysia.

8.3 Kesan Pembatalan

Pada tarikh kuat kuasa pembatalan awal anda, kewajipan masa hadapan Apple di bawah Pelan ini kepada anda akan terhapus sepenuhnya.

9. Pemindahan Pelan

Anda boleh membuat pemindahan tetap sebanyak satu kali bagi semua hak anda di bawah Pelan kepada pihak lain, dengan syarat: (i) anda memindahkan kepada pihak yang satu lagi bukti asal pembelian, Pengesahan Pelan, bahan bercetak Pelan dan kontrak perkhidmatan ini; (ii) anda memaklumkan kepada Apple tentang pemindahan itu dengan menghantar notis pemindahan kepada Pentadbiran AppleCare, Apple Malaysia Sdn. Bhd. Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Level 11, Kuala Lumpur 50470, Malaysia dan (iii) pihak satu lagi menerima terma dalam kontrak perkhidmatan ini. Apabila anda memaklumkan kepada Apple tentang pemindahan itu, anda mesti memberikan Nombor Perjanjian Pelan, nombor siri Peralatan Yang Diliputi serta nama, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel pemilik baharu.

10. Syarat Am

(a) Apple boleh membuat subkontrak atau menyerahkan pelaksanaan kewajibannya kepada pihak ketiga tetapi tidak akan terlepas daripada kewajibannya kepada anda dalam berbuat demikian.

(b) Apple tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan di bawah Pelan yang disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan munasabah Apple.

(c) Anda tidak perlu melakukan penyenggaraan cegahan pada Peralatan yang Diliputi untuk menerima perkhidmatan di bawah Pelan ini.

(d) Dalam melaksanakan kewajibannya Apple boleh, mengikut budi bicaranya dan semata-mata untuk tujuan memantau kualiti respons Apple, merekodkan sebahagian atau semua panggilan antara anda dan Apple.

(e) Anda bersetuju bahawa apa-apa maklumat atau data yang didedahkan kepada Apple di bawah Pelan ini bukan sulit atau hak milik anda. Selain itu, anda bersetuju bahawa Apple boleh mengumpul dan memproses data bagi pihak anda apabila ia memberikan apa-apa perkhidmatan. Hal ini mungkin termasuk memindahkan data anda kepada syarikat gabungan, Syarikat Insurans atau pembekal perkhidmatan mengikut Dasar Privasi Pelanggan Apple.

(f) Apple mempunyai langkah keselamatan, yang sepatutnya melindungi data anda daripada akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan serta pemusnahan yang menyalahi undang-undang.

(g) Anda memahami dan bersetuju bahawa dengan membeli Pelan ini, Apple akan menggunakan, memproses, memindahkan dan melindungi maklumat anda mengikut Dasar Privasi Pelanggan Apple yang terdapat di apple.com/legal/privacy/my/. Tanpa menjejaskan perkara di atas, anda bersetuju bahawa Apple, gabungan atau penyedia perkhidmatan boleh menggunakan dan memproses nama anda, nombor siri peranti, maklumat hubungan, sejarah pembaikan dan maklumat peribadi lain yang kami, gabungan atau penyedia perkhidmatan kami kumpulkan atau janakan yang berkaitan dengan Pelan anda, untuk tujuan: (i) menyediakan dan mentadbir perkhidmatan di bawah Pelan dan melaksanakan kontrak ini; (ii) memastikan kualiti perkhidmatan; dan (iii) berkomunikasi dengan anda mengenai Pelan anda, urusan niaga kewangan yang berkaitan dan perkhidmatan serta sokongan yang disediakan di bawah kontrak ini. Untuk tujuan sedemikian, anda bersetuju bahawa tindakan ini mungkin termasuk pemindahan maklumat peribadi anda antara Apple, gabungan dan penyedia perkhidmatan. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang pemprosesan data peribadi anda, hubungi Apple melalui nombor telefon yang disediakan atau di apple.com/legal/privacy/contact. Jika anda ingin mempunyai akses kepada maklumat yang dipegang oleh Apple mengenai anda atau jika anda ingin membuat perubahan, akses appleid.apple.com/my untuk mengemas kini keutamaan maklumat peribadi anda atau anda boleh menghubungi Apple di apple.com/my/privacy/contact.

(h) Terma Pelan, termasuk resit jualan asal Pelan dan Pengesahan Pelan, akan mengatasi mana-mana terma yang bercanggah, tambahan atau terma lain bagi mana-mana pesanan pembelian atau dokumen lain dan merupakan keseluruhan pemahaman untuk anda dan Apple (dan, jika berkenaan, keseluruhan pemahaman Syarikat Insurans) berhubung dengan Pelan.

(i) Apple tidak diwajibkan untuk memperbaharui Pelan ini. Jika Apple menawarkan untuk memperbaharui Pelan ini, Apple akan menentukan harga dan terma.

(j) Tiada proses penyelesaian pertikaian yang tidak formal tersedia di bawah Pelan ini.

(k) “Apple” ialah Apple Malaysia Sdn. Bhd. Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Level 11, Kuala Lumpur 50470, Malaysia, penanggung obligasi undang-undang dan kewangan. “Beats” ialah Beats Electronics LLC (a/k/a Beats by Dr. Dre), iaitu syarikat subsidiari Apple Inc. yang menghasilkan produk audio, termasuk Peralatan yang Diliputi tertentu di bawah nama jenama Beats.

(l) Perkhidmatan ADH yang tersedia di bawah Pelan ini disediakan kepada anda menurut dasar insurans kumpulan yang dikeluarkan oleh AIG Malaysia Insurance Berhad di Aras 17, Menara Worldwide, 198 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia (dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia) (“AIG Malaysia”), syarikat insurans yang diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan insurans am di Malaysia kepada Apple dan penjual semulanya dan anda menyertai dengan membeli Pelan ini. Semua butiran lengkap bagi terma, syarat dan pengecualian adalah seperti yang dinyatakan dalam Dasar Kumpulan yang tersedia di aig.my/.

(m) Pelan ini ditawarkan dan sah di Malaysia sahaja. Individu yang belum mencapai umur dewasa tidak boleh membeli Pelan ini. Pelan ini mungkin tidak tersedia di semua wilayah dan tidak tersedia di tempat yang dilarang oleh undang-undang.

(n) Undang-undang Malaysia mentadbir Pelan ini.

(o) yarikat Insurans tidak boleh dianggap sebagai menyediakan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini setakat yang peruntukan tersebut liputi, pembayaran tuntutan tersebut atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat Insurans, syarikat induk atau entiti pengawal utama kepada apa-apa sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Nombor Telefon

Lihat support.apple.com/HT201232 untuk nombor telefon tempatan.

* Nombor telefon dan waktu operasi berbeza-beza dan tertakluk pada perubahan. Nombor bebas tol tidak tersedia di semua negara.

022624 AC+ Malaysia v1.2 – Bahasa Melayu